

04 AUG 2000

Mahathir-Etika/I

PENGETAHUAN HARUS SEIRING DENGAN ETIKA DAN NILAI BAIK - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Pengetahuan harus seiring dengan etika dan nilai-nilai yang baik agar dapat menjadikan negara ini lebih makmur, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata jika rakyat mempunyai pengetahuan dan pada masa yang sama mereka tidak mempunyai nilai-nilai yang baik, mereka akan menggunakan pengetahuan itu terhadap perkara-perkara yang tidak memberi keuntungan kepada masyarakat.

"Kita dahulu miskin dan kita berterima kasih dengan apa yang kita bakal perolehi.

"Bagaimanapun pada hari ini kita melihat para pelajar, sebelum mereka meninggalkan universiti, beranggapan bahawa dunia sudah terhutang kepada mereka dan dunia harus menyediakan segala-galanya untuk mereka. Mereka tidak berterima kasih bagi apa juga yang telah dilakukan (oleh kerajaan)," katanya.

Dr Mahathir berucap pada jamuan Persatuan Bekas Pelajar-pelajar Maktab Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) yang dianjurkan oleh beliau dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di sini malam ini.

Dr Mahathir, yang juga presiden persatuan itu, lulus dari kolej berkenaan pada tahun 1946. Bapa beliau, Mohamad Iskandar, merupakan guru besar pertama kolej itu.

Dr Mahathir berkata sikap kurang berterima kasih di kalangan rakyat akan menghancurkan masyarakat kerana masyarakat sedemikian akhirnya akan menjadi mundur.

"Kita harus mengingatkan para pelajar, yang bakal menjadi pemimpin masa depan negara ini, bahawa mereka harus mempunyai nilai-nilai yang baik.

"Mereka harus berpendirian bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk berkhidmat kepada negara apabila mereka lulus dari universiti. Bukan menjadi tanggungjawab masyarakat untuk menyediakan segala-galanya buat mereka," katanya.

-- BERNAMA

NY AKD